

Demi mengekalkan kestabilan Asia Tenggara dan Asia Pasifik

PM: Indonesia penting

UM 10 MAR 2000

Daripada MARZUKI YUSOFF

JAKARTA 9 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, semua perubahan yang berlaku di Indonesia tidak akan menukar hakikat bahawa republik ini masih sebuah negara penting dalam mengekalkan kestabilan Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

Menurut Perdana Menteri, Indonesia seperti juga Malaysia menempuh cabaran besar sepanjang 18 bulan lalu apabila pertumbuhan ekonominya jatuh menjunam akibat kegawatan ekonomi yang paling buruk sejak Perang Dunia Kedua.

Kata beliau, ekonomi Malaysia misalnya tidak dapat mempertahankan dirinya dari krisis ekonomi dan untuk pertama kali dalam masa 13 tahun, ekonomi negara ini mengalami kemerosotan teruk yang mana banyak syarikat terutama dalam sektor pembinaan dan hartanah dalam keadaan tenat.

Kegawatan ekonomi di rantau ini, tegas beliau, telah meruntuhkan bersamanya keyakinan dan dinamisme yang lebih sedekad lalu adalah asas kepada kekuatan ekonomi Asia.

Dr. Mahathir berkata, perkembangan yang berlaku itu turut memberi kesan kepada hubungan perdagangan antara Malaysia dan Indonesia.

Berucap di Forum Perdagangan Malaysia - Indonesia di Hotel Shangri-La di sini hari ini, Dr. Mahathir bagaimanapun yakin bahawa negara-negara rantau ini termasuk Indonesia akan bangkit semula sebagai sebuah kuasa ekonomi Asia yang disegani.

Tambah beliau, dengan wujudnya tanda-tanda kestabilan di beberapa negara Asia Timur yang ditimpa krisis ekonomi, prospek untuk rantau ini pulih sepenuhnya nampak semakin nyata.

Pemulihan ekonomi yang berlaku ju-

■ Lihat muka 4

UM 10 MAR 2000

PM: Indonesia penting

ga, jelas beliau, akan disertai oleh keadaan ekonomi dan politik yang lebih terbuka, telus dan fleksibel yang sudah tentu bukan saja peluang akan bertambah tetapi urusan perniagaan akan menjadi lebih mudah.

“Walaupun sudah kelihatan pertumbuhan yang positif pada tahun lalu, adalah dijangkakan rantau ini akan melihat pertumbuhan lebih tinggi pada tahun ini dan pada tahun-tahun akan datang.

“Rantau ini juga dijangka tidak akan mengambil masa yang terlalu lama untuk bangkit kembali kepada paras pertumbuhan ekonomi sebelum krisis melanda,” tegas Perdana Menteri di hadapan lebih 300 peserta termasuk 150 pengusaha Malaysia yang diketuai oleh Peneerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan-Sri Tajuddin Ramli.

Forum itu adalah anjuran bersama Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Dewan Perniagaan dan Industri Indonesia (KADIN), Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa (CSIS) serta Institut Pembangunan Kepimpinan Korporat (CLDI).

Menekan kan

Dr. Mahathir juga menekankan bahawa kepentingan Indonesia sebagai rakan dagang Malaysia sejak beberapa tahun lalu tidak akan me&run dalam jangka pertengahan atau jangka panjang ini.

Begitu juga dengan dasar luar Malaysia terhadap Indonesia, yang menurut Dr. Mahathir tidak akan berubah tanpa mengira perkembangan yang berlaku di republik ini.

Beliau berkata, dasar luar itu akan tetap kekal sedemikian kerana kedudukan strategik Indonesia, penduduk dan geografinya yang tidak berubah.

Dr. Mahathir percaya lebih banyak peluang akan muncul iaitu peluang un-

tuk membina ke arah yang lebih baik, memperbaiki kehidupan rakyatnya dan mengukuhkan lagi jalinan persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Katanya, walaupun dagangan dalam ASEAN merosot semasa krisis ekonomi dan kewangan tetapi hakikatnya dagangan dalaman di negara anggotanya telah berkembang sebanyak 90 peratus dari AS\$82 bilion pada tahun 1993 kepada AS\$156 bilion pada tahun 1997.

Berdasarkan kepada arah kerjasama yang kukuh itu, Dr. Mahathir menaruh harapan perdagangan dalaman ASEAN akan berkembang semula, bukan setakat mencapai paras lama tetapi mampu melebihi paras itu dalam tempoh yang tidak terlalu lama.

Menyentuh mengenai Indonesia, Perdana Menteri turut melahirkan rasa kagumnya kerana ekonomi republik itu sebelum krisis ekonomi menyimpannya telah tumbuh pada purata tujuh peratus setahun sehingga melahirkan golongan kelas menengah yang dianggarkan sebanyak 20 juta orang.

Kejayaan besar yang dicapai oleh Indonesia itu, kata beliau, adalah kerana ia menyertai ekonomi dunia, mempelbagaikan aktiviti ekonomi, penduduk yang bersatu padu dan hasil mahsul yang banyak.

“Dengan pembaharuan dalam struktur ekonominya ke arah lebih teratur dan kestabilan politik akan membolehkan Indonesia sekali lagi memanfaatkan aset-aset nasionalnya dengan baik dan sepenuhnya. *Utusan*”